

PEMUDA UMNO PUAS HATI

# 'Ambilalih Dunlop tak bercanggah dengan DEB'

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Pengerusi PEGI, Encik Ghafar Baba memberi jaminan kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pengambilan alih 51 peratus saham Dunlop Estates oleh PEGI dan Multi Purpose tidak akan bercanggah dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurut Ketua Pergerakan itu, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin, Encik Ghafar selaku Naib Presiden UMNO telah berikrar akan mendokong hasrat DEB.

Katanya, memandangkan penjelasan yang mendalam itu, Pemuda berasa puas hati dengan penerangan yang diberi.

"Jesteru itu Pergerakan Pemuda akan terus meneliti perkembangan selanjutnya mengenai perkara pengambilan alih tersebut," katanya kepada pemberita selepas satu pertemuan

Exco Pemuda dengan Encik Ghafar.

Lapan Exco hadir dalam pertemuan tersebut. Mereka ialah Datuk Najib bin Tun Abdul Razak, Encik Mohd. Nazri bin Tan Sri Aziz, Encik Tamrin Ghafar, Encik Rahim bin Thamby Chik, Engku Fauzi bin Engku Mohsein dan Penolong Setiausaha Pemuda, Encik Zainal Abidin Husman.

## Pengambilan

Datuk Haji Suhaimi juga menerangkan dalam perbincangan selama satu jam setengah tersebut pihaknya dan Encik Ghafar sendiri bersetuju sebarang pengambilan, alih syarikat asing di masa akan datang hendaklah mengikut hasrat DEB.

Menurutnya lagi, sebarang pengambil alih perniagaan di masa akan datang hendaklah diberi keutamaan kepada kepentingan Bumiputera.

Menyentuh dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

mengarahkan Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan supaya merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan kontrak-kontrak dari firma British Datuk Haji Suhaimi berkata:

"Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia memberi sokongan penuh dan bulat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dalam perkara tersebut."

Bellau lalu menuduh setengah-tengah syarikat-syarikat British menjalankan sistem "pecah belah dan perintah" dalam menjual kepentingan mereka di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia